

**PANDANGAN MASYARAKAT MELAYU TERHADAP PENGGUNAAN SENI  
KHAT SEBAGAI PENONJOLAN IDENTITI KORPORAT**

**Disediakan oleh:**

**SHARIPAH NOOR AZURA BT. SYED OTHMAN**

**NO. MATRIK : 95824504**

**Latihan Ilmiah**

**Bagi Memenuhi Sebahagian Daripada Syarat-syarat Untuk  
Ijazah Sarjana Muda Senireka Grafik**

**Kajian Seni Lukis Dan Seni Reka**


**Institut Teknologi Mara**

**Cawangan Melaka**

### Pengakuan Pelajar

Saya, yang bernama seperti di bawah, mengaku bahawa Latihan Ilmiah ini merupakan hasil usaha saya sendiri, kecuali bahan-bahan atau petikan yang dinyatakan sumbernya.

Tandatangan :



Nama : Sharipah Noor Azura Bt. Syed Othman

Tarikh : 30 Julai 1999

## ABSTRAK

**Pengenalan:** "Pandangan Masyarakat Melayu Terhadap Penggunaan Seni Khat Sebagai Penonjolan Identiti Korporat" menjadi tajuk penulisan tesis ini adalah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana penggunaan seni khat di dalam kehidupan kita dalam masyarakat Melayu yang sememangnya dikaitkan dengan agama Islam. Seni khat merupakan seni rupa yang amat dihargai oleh umat Islam. Kebebasan susunan tulisan khat menghasilkan reka bentuk yang mempunyai faktor daya cipta yang kreatif dalam bidang yang amat luas jika dibandingkan dengan jenis-jenis tulisan yang lain. Ini menyebabkan seni khat begitu istimewa jika dibandingkan dengan hasil seni yang lain. Justeru itu, tulisan yang indah ini (seni khat) mendapat keutamaan di sisi orang Islam sebagai bentuk seni yang mempunyai keagungan yang tersendiri.

**Masalah Penyelidikan:** Seni khat menjadi sesuatu yang amat unik dan menarik untuk dikaji berikutan ia merupakan warisan kaligrafi Islam yang telah lama mendapat tempat yang tinggi di kalangan pencipta seni kaligrafi antarabangsa. Penulisan ini juga bertujuan mendedahkan kelebihan setiap elemen yang terdapat pada tulisan khat dan juga membuktikan kepada umum dan pencipta-pencipta seni warisan Tamadun Islam khasnya, tentang penggunaan seni khat yang tidak semestinya bersandarkan kepada penggunaannya sebagai hiasan semata-mata. Dalam pada itu diharap tesis ini menjadi salah satu bahan rujukan yang dapat memberi kesedaran kepada orang ramai untuk menilai dan meneroka hasil-hasil kesenian sesuatu masyarakat yang telah lama menerima tamadun tersebut iaitu Tamadun Islam.

**Prosedur:** Dalam proses menyiapkan tesis ini, kaedah penyelidikan dan penulisan telah dibahagikan kepada beberapa bahagian dan peringkat seperti membuat soal selidik, temubual, dan pemerhatian. Kaedah soal selidik melibatkan sebanyak 100 orang responden yang terdiri dari pelbagai peringkat umur, dan ia melibatkan golongan guru, jururawat pelatih, pelajar ITM, dan peneroka. Kaedah temubual dibuat ke atas 2 orang ustaz iaitu Haji Kamaruddin Bin Daud dari Sekolah Agama Sik, Kedah; dan Haji Salleh Bin Derani dari Sekolah Menengah Agama Randzatul Ulum, Felda Lubok Merbau, Kedah. Kaedah pemerhatian pula melibatkan badan-badan korporat yang menggunakan seni khat dalam logo-logo mereka seperti Tabung Haji, Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), dan sebagainya.

**Rumusan:** Seni khat merupakan kesenian yang unik dan mempunyai keislaman yang tersendiri yang mencapai taraf keindahan dan daya estetika yang tinggi dan mengagumkan. Sama ada untuk hiasan atau sebagai sebuah pemberian, hasil karya kaligrafi Islam ini diukir dan dicipta dengan begitu halus dan penuh ketelitian. Ia merupakan khazanah Tamadun Islam yang tidak luput ditelan zaman. Keindahan seni khat tidak lagi dilihat sebagai hiasan semata-mata. Seniman Islam telah meneroka dan berjaya menemui pendekatan dan perlambangan yang mendekatkannya dengan citarasa keagungan penciptaan dan kekudusan terhadap-Nya, lantas ianya diterima oleh masyarakat sebagai identiti yang memancarkan nilai-nilai keislaman.

## ISI KANDUNGAN

### **BAB 1**

PENDAHULUAN	1
1.1 SKOP KAJIAN	4
1.2 KESIGNIFIKANAN	4
1.3 HIPOTESIS	5
1.4 PROSEDUR	7

### **BAB 2**

2.1 DEFINISI	9
2.2 SEJARAH SENI KHAT	12
2.2.1 Asal usul Huruf Arab	13
2.2.2 Sejarah Penggunaan Seni Khat	17
2.2.3 Pengaruh Seni Khat Di Malaysia	22
- Seni Khat Pada Bangunan Masjid	23
- Seni Khat Pada Mimbar Masjid	25
- Seni Khat Pada Batu Nesan	27
- Seni Khat Pada Papan Tanda	28
2.3 JENIS DAN KEISTIMEWAAN	29
2.3.1 Pembahagian Dan Penjenisan Seni Khat	30

- Khat Kufi	31
- Khat Thuluth	33
- Khat Nasakh	34
- Khat Riq'ah	35
- Khat Diwani	35
- Khat Farisi	36
2.3.2 Ciri Dan Keistimewaan	38
2.4 KAE DAH PENULISAN	40
2.4.1 Alatan Untuk Menulis	41
2.4.2 Cara-cara Menulis	46

## BAB 3

3.1 MAKLUMAT TENTANG LOKASI DAN INDIVIDU YANG DIPILIH DALAM KAJIAN	
3.1.1 Pengenalan	49
3.1.2 Lokasi Tumpuan Kajian	50
3.1.3 Individu Yang Menjadi Tumpuan Kajian	51
3.1.4 Bilangan Responden	52
3.1.5 Kesimpulan	53